



NOTIS MAKLUMAN

PENGOPERASIAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Merujuk kepada Perutusan Khas oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 mengenai Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa mulai 13 hingga 26 Januari 2021, **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) termasuk Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) akan kembali beroperasi seperti biasa bermula Khamis, 14 Januari 2021.**

Walau bagaimanapun, **LPPSA akan beroperasi pada kadar minima iaitu dengan kapasiti yang terhad dan maksimum seramai 30% kakitangan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak** selaras dengan Surat Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Ruj.: PA.100-1/4/2 (15) bertarikh 12 Januari 2021,

Oleh itu, **para pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA** yang telah disediakan bagi mengelakkan kesesakan di Kaunter Pusat dan Talian Khidmat Pelanggan:

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

LPPSA menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan dalam urusan berkaitan pembiayaan LPPSA. Kerjasama dan kesabaran anda berurusan dengan LPPSA sepanjang tempoh PKP ini amat dihargai. Sebarang maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, www.lppsa.gov.my dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

13 Januari 2021